



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/ (44)
8 Februari 2010

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/2010
PELAKSANAAN UJIAN URIN MURID SEKOLAH

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar perbuatan mengguna dadah di kalangan murid-murid sekolah merupakan satu masalah serius. KPM juga maklum bahawa ada murid-murid sekolah yang terlibat sama ada mencuba, memiliki, membawa dan mengedar dadah. Oleh itu, satu usaha pengesanan dan pencegahan awal terhadap murid-murid yang terbabit hendaklah dilaksanakan di peringkat sekolah.

2. Sehubungan itu, untuk tujuan pendidikan pencegahan dan bimbingan, ujian urin kepada murid-murid di sekolah akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan. Pihak sekolah diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam membantu pelaksanaan ujian urin tersebut. Pegawai Pendidikan Pencegahan Dadah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pegawai Pendidikan Pencegahan Dadah, Pejabat Pelajaran Daerah akan bertindak sebagai penyelaras sepanjang tempoh pelaksanaan ujian tersebut dalam kalangan murid-murid sekolah.

3. Buku Tatacara Tindakan Ke atas Kes-Kes Penggunaan Dadah Dalam Kalangan Murid Di Sekolah yang dibekalkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah dijadikan asas dan panduan dalam proses pelaksanaan ujian urin di sekolah. Segala maklumat berkaitan murid yang terlibat dalam ujian urin yang dilaksanakan adalah SULIT.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, semua Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri
merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia.